

RM48.25 bilion Pelaburan Direalisasikan di NCER dalam Tempoh Sembilan Bulan

Kuala Lumpur, 16 Oktober 2024 – Pelaburan berjumlah RM48.25 bilion telah direalisasikan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) dalam tempoh sembilan bulan pertama 2024, meningkat sebanyak 60 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.

Jumlah berkenaan merangkumi RM42.21 bilion dalam pelaburan langsung asing (FDI) dan selebihnya disumbangkan oleh pelaburan langsung domestik (DDI), manakala lebih 10,000 peluang pekerjaan direalisasikan.

“Pelaburan utama yang dimudahcara oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) adalah daripada syarikat elektronik multinasional seperti Western Digital di Pulau Pinang dan Infineon Technologies serta Ferrotec Manufacturing Malaysia di Taman Teknologi Tinggi Kulim, Kedah.

“Kejayaan ini dicapai dengan kerjasama kerajaan persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri, kementerian dan agensi seperti Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan NCIA,” kata Ketua Eksekutif NCIA, Mohamad Haris Kader Sultan selepas Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara Ke-32, yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Dato’ Seri Anwar Ibrahim, hari ini.

Sejak 2009 hingga September 2024, sebanyak RM248.42 bilion pelaburan berjaya direalisasikan di NCER dengan Sektor Pembuatan menjadi penyumbang terbesar iaitu RM209 bilion diikuti Pelancongan RM26.13 bilion; Logistik RM7.48 bilion; Agrikultur dan Industri Bio RM4.65 bilion; serta Ekonomi Digital RM1.12 bilion.

Pencapaian semasa meletakkan Pelan Pembangunan Strategik Wilayah Ekonomi Koridor Utara 2024-2030 (NCER SDP 2024-2030) di landasan yang betul bagi mencapai sasaran untuk merealisasikan sebanyak RM367.8 bilion pelaburan dan 412,424 peluang pekerjaan menjelang 2030.

Mohamad Haris berkata, dalam mesyuarat berkenaan, NCIAT turut membentangkan empat inisiatif utama yang dijangka seiring dengan matlamat Ekonomi MADANI merangkumi NCER Technology Innovation Centre (NTIC), Hab Agro Makanan NCER, Peralihan Tenaga dan Rantaian Nilai Sumber Nadir Bumi (REE).

“Inisiatif-inisiatif ini akan menerapkan strategi kerjasama dengan sektor swasta bagi menarik lebih banyak pelaburan bernilai tinggi ke NCER. Usaha ini akan memacu ekonomi yang lebih mampan dengan meningkatkan momentum pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi, sekali gus merangsang perkembangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

“NCIAT terus komited untuk menyediakan ekosistem dan rantaian bekalan industri yang menyokong pelaburan bagi memastikan NCER lebih berdaya saing dan kondusif. Usaha ini bertujuan meningkatkan DDI dan FDI yang berimpak tinggi serta memanfaatkan kedudukan NCER yang strategik untuk aktiviti perdagangan rentas sempadan,” kata beliau.

Untuk maklumat lanjut mengenai NCER, sila layari laman sesawang NCER di www.ncer.com.my.

-TAMAT-

UNTUK MAKLUMAN EDITOR:

Berkeanaan NCIA

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Koridor Utara Pelaksanaan 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju dan untuk merangka dasar dan strategi menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara atau Northern Corridor Economic Region (NCER). NCER merangkumi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis; dan diketuai oleh Encik Mohamad Haris Kader Sultan selaku Ketua Eksekutif.

NCIA akan terus memacu evolusi NCER ke arah menjadi rantau sosioekonomi kelas dunia dengan memangkinkan dan melaksanakan program pembangunan nilai tambah dalam inisiatif-inisiatif strategik berimpak tinggi, terutamanya melalui Sektor Pembuatan, Sektor Perniagaan Tani, Sektor Petrokimia, Sektor Perlombongan, Sektor Ekonomi Hijau, dan Sektor Perkhidmatan (termasuk Pelancongan, Logistik dan Perhubungan; serta Ekonomi Digital).

Sila hubungi:

<p>En. Fairus Kassim Pengurus Jabatan Komunikasi Korporat NCIA E-mel: fairus@ncer.com.my No Tel: + 019-3272507 GL: + 604-502 0708</p>	<p>En. Ariff Ahmad Ketua Jabatan Komunikasi Korporat NCIA E-mel: ariffahmad@ncer.com.my No Tel: + 016-3288944 GL: + 604-502 0708</p>
--	---

Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.ncer.com.my>